

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

KPDNHEP SIASAT KES PENYELEWENGAN BARANG KAWALAN SUBSIDI DI BAWAH AMLATFPUAA 2001

PUTRAJAYA, 3 OGOS 2021 –Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius aktiviti penyelewengan pemindahan Liquefied Petroleum Gas (LPG) dari tong 14kg (bersubsidi kegunaan domestik) kepada tong LPG 50kg (kegunaan industri), Aktiviti pemindahan barang kawalan dan subsidi secara haram ini dipanggil '*Decanting*'.

Oleh itu, sebagai salah satu pendekatan untuk membendung sebarang penyelewengan terhadap barang kawalan bersubsidi terutamanya LPG, KPDNHEP telah menguatkuasakan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 atau *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activity Act* (AMLATFPUAA) 2001.

Penguatkuasaan menggunakan Akta AMLATFPUAA 2001 ini merupakan tindakan tegas Kerajaan terhadap pihak yang menjalankan aktiviti perdagangan yang tidak mengikut undang-undang dan memanipulasi keuntungan yang diperoleh hasil daripada aktiviti perdagangan tidak sah. Penguatkuasaan pengubahan wang haram ini memfokuskan kepada kes-kes profil tinggi seperti perlindungan harta intelek, penyelewengan barang kawalan melibatkan LPG,

minyak masak, diesel dan petrol serta aktiviti jualan langsung/ skim piramid yang menyalahi undang-undang.

Seiring dengan penguatkuasaan pencegahan pengubahan wang haram, beberapa tindakan kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang berkaitan dengan kesalahan predikat di dalam Jadual Kedua AMLATFPUAA 2001 telah dihasilkan terhadap aktiviti *decanting* ke tong 50 kg (kegunaan industri) dan tin gas untuk kegunaan dapur *portable* 230g termasuk dua kes terbaharu yang melibatkan sitaan LPG di Seri Kembangan, Selangor dan Port Dickson, Negeri Sembilan.

Hukuman kesalahan ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan pengubahan wang haram di bawah seksyen 4(1) AMLATFPUAA 2001 apabila disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga didenda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5,000,000.00, yang mana yang lebih tinggi.

Untuk makluman, penguatkuasaan pengubahan wang haram melibatkan penyelewengan barang kawalan bersubsidi Gas Petroleum cecair (LPG) telah menghasilkan sejumlah 16 kes dari tahun 2016 hingga 2021 dengan nilai pembekuan sebanyak RM48,131,041.96, nilai penyitaan RM21,474,456.05 dan seterusnya pelucuthakan hasil pengubahan wang haram bernilai RM1,154,432.43.

KPDNHEP juga akan membuat penambahbaikan ke atas regim pelesenan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dalam usaha untuk mengekang penyelewengan LPG melibatkan aktiviti *decanting* daripada tong 14 kg kepada tong 50kg (industri).

KPDNHEP komited mempergiatkan penguatkuasaan pengubahan wang haram ini, bagi tujuan membanteras aktiviti-aktiviti jenayah perdagangan dalam

negeri ke peringkat akar umbi terutama kes-kes yang dikategorikan sebagai bersindiket dan terancang yang mungkin boleh membawa gangguan bekalan dan menggugat kestabilan serta ekonomi Negara.

7. KPDNHEP tidak akan berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasa KPDNHEP demi kepentingan kemakmuran perdagangan domestik dan pengguna. Aduan boleh disalurkan menerusi saluran rasmi berikut :

- i. Portal e-aduan.kpdnhep
- ii. Call Centre 1-800-886-800
- iii. Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my
- iv. Ez ADU KPDNHEP
- v. Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245
- vi. Whatsapp 019-279 4317

#####

Azman bin Adam
Pengarah Penguat Kuasa
Bahagian Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna
PUTRAJAYA

3 Ogos 2021